



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# KERANGKA AKTIVITI IMAGINASI DALAM PEMBELAJARAN LITERASI AWAL MURID ORANG ASLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KERANGKA AKTIVITI IMAGINASI DALAM PEMBELAJARAN LITERASI AWAL MURID ORANG ASLI

AMAR FAEZ BIN AHMAD FADZIL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda di  
Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Filosafah


## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15.....(hari bulan).....MAC.....(bulan) 2021....

#### i. Perakuan pelajar :

Saya, AMAR FAEZ BIN AHMAD FADZIL, M20172001785, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KERANGKA AKTIVITI IMAGINASI DALAM PEMBELAJARAN LITERASI AWAL MURID ORANG ASLI

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

#### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR AZLI BIN ARIFFIN (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KERANGKA AKTIVITI IMAGINASI DALAM PEMBELAJARAN LITERASI AWAL MURID ORANG ASLI

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15-03-2021

Tarikh

DR. AZLI BIN ARIFFIN  
Penyayang Kanan  
Fakulti Pembangunan Manusia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS  
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

KERANGKA AETIUTI IMAGINASI DALAM  
PENBELAJARAN LITERASI AWAL MURID ORANG ASLI

No. Matrik / Matric's No.:

M20172001765

Saya / I:

AMAR FAEZ BIN AHMAD PAIDIL

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berharga keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat termasuk yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

  
(Tandatangan Pelajar / Signature)



(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Tarikh: 03-05-2021

DR. AZLI BIN ARIFFIN  
Penyayang Kanan  
Fakulti Pembangunan Manusia  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT & TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasai berkewajipan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu diklasaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana izin-Nya jua dapat saya sempurnakan penulisan Disertasi ini. Alhamdulillah.

Dalam mengharungi pahit maung perjalanan bagi menyiapkan penyelidikan ini, diatas kurnia-Mu juga saya ditemani oleh insan-insan yang sudi memberikan bimbingan dan motivasi apabila diperlukan. Tanpa insan-insan ini tidak mampu rasanya saya menghadapi segala dugaan dan cabaran ini berseorangan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Azli Bin Ariffin kerana tidak jemu memberikan bimbingan, nasihat dan ilmu daripada peringkat awal sehingga akhir penyelidikan ini.

Juga tidak dilupakan penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Noor Amy Afiza dan semua pensyarah UPSI yang terlibat dalam kajian ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya Cikgu Siti Hajar, Hamdi, Aqilah dan Suhashini yang tidak sedikit pun berkira untuk berkongsi maklumat dan tidak lokek memberikan bantuan dan sokongan kepada saya. Kepada pentadbir dan guru-guru SK Pos Piah yang selalu mempermudahkan segala urusan saya sepanjang pengajian ini. Semoga Allah membala jasa dan sumbangan kalian.

Teristimewa, kepada insan-insan yang tersayang iaitu kedua ibu bapa saya En. Ahmad Fadzil Bin Abdul Karim dan Pn. Nuraini Binti Anjang Darus yang sentiasa menitipkan doa buat saya. Hanya doa dan bakti sahaja yang mampu saya lakukan buat abah dan mak. Akhir sekali, kepada adik-beradik, ipar-duai dan anak-anak saudara yang banyak memberikan dorongan dan sabar melayani keletah adik bongsu kalian. Tidak mampu rasanya saya membala jasa kalian semua dengan harta dan wang ringgit, hanya doa dan ucapan terima kasih sahaja mampu saya titipkan. Semoga kalian dipermudahkan segala urusan di dunia dan di akhirat kelak.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai kesesuaian dan kebolehgunaan aktiviti imaginasi untuk pembinaan kerangka aktiviti imaginasi dalam pembelajaran literasi awal murid Orang Asli. Kajian ini menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan kaedah analisis meta, temu bual dan soal selidik. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal selidik pakar dan protokol temu bual pakar untuk mendapatkan data. Analisis meta dan temu bual dijalankan adalah untuk membina senarai aktiviti imaginasi dalam pembelajaran literasi awal murid Orang Asli. Soal selidik pula digunakan untuk menilai kesesuaian dan kebolehgunaan aktiviti-aktiviti imaginasi untuk murid Orang Asli berdasarkan tiga kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Teknik analisis *Fuzzy Delphi* telah digunakan untuk menilai kesesuaian dan kebolehgunaan aktiviti-aktiviti imaginasi tersebut. Sebanyak 30 kajian telah dianalisis dan tiga orang pakar telah ditemu bual manakala soal selidik melibatkan 25 orang pakar daripada lapan buah SMOA daerah Kuala Kangsar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 30 jenis aktiviti imaginasi yang boleh dilaksanakan dalam pembelajaran literasi awal murid Orang Asli. Namun, aktiviti imaginasi yang sesuai dan dapat diguna pakai untuk kemahiran mendengar dan bertutur adalah sebanyak 18 aktiviti, kemahiran membaca sebanyak 16 aktiviti dan kemahiran menulis sebanyak 13 aktiviti sahaja. Dapatan temu bual juga menunjukkan kesemua pakar bersetuju bahawa aktiviti imaginasi mampu membantu meningkatkan penguasaan literasi awal murid Orang Asli. Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti imaginasi sesuai diaplikasi dalam pembelajaran bagi membantu murid Orang Asli meningkatkan penguasaan literasi mereka. Kajian ini memberi implikasi kepada para pendidik murid Orang Asli untuk dijadikan panduan dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran literasi awal yang sesuai dengan tahap dan persekitaran murid Orang Asli.





## IMAGINATION ACTIVITY FRAMEWORK IN EARLY LITERACY LEARNING AMONG ABORIGINAL PUPILS

### ABSTRACT

This study aimed to assess the appropriateness and usefulness of imaginative activities for the construction of imagination activity framework in the early literacy learning among Aboriginal pupils. This study is a combination of qualitative and quantitative approaches by using meta-analysis methods, interviews and questionnaires. The instrument used for the data collection consists of a set of expert questionnaire and an expert interview protocol. Meta-analysis and interviews were carried out to build a list of imaginative activities in the literacy learning of Aboriginal pupils. Questionnaires were used to assess the suitability and practicality of the imagination activities for Aboriginal pupils according to three language skills, namely listening and speaking, reading and writing. Fuzzy Delphi analysis techniques were used to assess the suitability and practicality of the imagination activities. A total of 30 research were analyzed and three experts have been interviewed meanwhile the questionnaire involved 25 experts from eight SMOAs in Kuala Kangsar. The finding shows that there are 30 types of imaginative activities that can be carried out in the early literacy of Aboriginal pupils. However, imaginative activities that are suitable and practical for listening and speaking skills are 18 activities, reading skills are 16 activities and writing skills are 13 activities only. The findings of the interview also showed that all experts agreed that the imaginative activities were able to help increase the literacy mastery among Aboriginal pupils. In conclusion, the findings of this study shows that the imaginative activities is suitable to apply in the teaching and learning to help the Aboriginal pupils improve their literacy proficiency. This study has implications on the Aboriginal pupils educators to serve as a guide in planning and implementing early literacy related learning activities that are appropriate to the level and environment of the Aboriginal pupils.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

**BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** ii

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS** iii

**PENGHARGAAN** iv

**ABSTRAK** v

**ABSTRACT** vi

**KANDUNGAN** vii

**SENARAI JADUAL** xii

**SENARAI RAJAH** xiv

**SENARAI SINGKATAN** xv



**SENARAI LAMPIRAN**

**BAB 1 PENGENALAN** 1

    1.1 Pendahuluan 1

    1.2 Latar Belakang Kajian 4

    1.3 Pernyataan Masalah 9

    1.4 Tujuan Kajian 16

    1.5 Objektif Kajian 16

    1.6 Persoalan Kajian 18

    1.7 Kerangka Teori Kajian 18

    1.8 Kerangka Konseptual Kajian 21

    1.9 Definisi Operasional 23

    1.10 Batasan Kajian 26





1.11 Kepentingan Kajian	27
1.12 Rumusan	31
<b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>32</b>
2.1 Pengenalan	32
2.2 Definisi Kemahiran Literasi Awal	33
2.2.1 Konsep <i>Emergent Literacy</i> atau Pemunculan Literasi	36
2.2.2 Kajian Awal tentang Pemunculan Literasi	41
2.2.3 Model-model Awal Pemunculan Literasi	42
2.3 Model Pemunculan Literasi Komprehensif Rohde (2015)	46
2.3.1 Pengaruh Persekutaran dalam Pemunculan Literasi	55
2.4 Imaginasi	59
2.4.1 Konsep Imaginasi	60
2.4.2 Teori Imaginasi Kanak-kanak Vygotsky	63
2.4.3 Imagination dalam Pendidikan Literasi Awal Kanak-kanak	73
2.5 Model Pendidikan Imaginatif Egan (2005)	78
2.6 Model Pedagogi Peribumi ( <i>Indigenous Pedagogy</i> )	84
2.7 Rumusan	92
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	<b>94</b>
3.1 Pendahuluan	94
3.2 Pendekatan Kajian	94
3.3 Persampelan Kajian	96
3.4 Kaedah dan Instrumen Pengumpulan Data	105
3.4.1 Kaedah Analisis Meta	105
3.4.2 Kaedah Temu Bual	107
3.4.3 Soal Selidik Pakar	109





3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	111
3.5.1 Kesahan Instrumen Temu Bual dan Tahap Persetujuan Pakar Terhadap Cadangan Aktiviti Responden	112
3.5.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik	114
3.5.2.1 Kajian Rintis	117
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	119
3.7 Kaedah Menganalisis Data	123
3.8 Rumusan	127
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	128
4.1 Pengenalan	128
4.2 Dapatan Kajian Analisis Meta	129
4.2.1 Objektif Kajian	129
4.2.2 Dapatan Kajian	131
4.2.3 Analisis Aktiviti Imaginasi	138
4.3 Analisis Temu Bual	147
4.3.1 Data Temu Bual Pakar	147
4.4 Analisis Soal Selidik	157
4.4.1 Latar Belakang Pakar	157
4.4.1.1 Taburan Pakar Berdasarkan Jantina	158
4.4.1.2 Taburan Pakar Berdasarkan Kaum	158
4.4.1.3 Taburan Pakar Berdasarkan Kategori Sekolah	159
4.4.1.4 Taburan Pakar Berdasarkan Taraf Pendidikan	159
4.4.1.5 Taburan Pakar Berdasarkan Bidang Kepakaran/ Opsyen	160
4.4.1.6 Taburan Pakar Berdasarkan Pengalaman Mengajar	
	160





## 4.4.2 Analisis Fuzzy Delphi 161

4.4.2.1 Dapatan Analisis Fuzzy Delphi: Kesesuaian dan kebolehgunaan aktiviti imaginasi bagi meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur murid Orang Asli berdasarkan kesepakatan pakar. 162

4.4.2.2 Dapatan Analisis Fuzzy Delphi: Kesesuaian dan kebolehgunaan aktiviti imaginasi bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid Orang Asli berdasarkan kesepakatan pakar 167

4.4.2.3 Dapatan Analisis *Fuzzy Delphi*: Kesesuaian dan kebolehgunaan aktiviti imaginasi bagi meningkatkan penguasaan kemahiran menulis murid Orang Asli berdasarkan kesepakatan pakar 171

## 4.5 Rumusan 175

**BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN** 177

## 5.2 Ringkasan Kajian 177

## 5.3 Perbincangan Kajian 179

5.3.1 Perbincangan Dapatan Analisis Meta dan Temu Bual Pakar 179

5.3.2 Perbincangan Dapatan Analisis *Fuzzy Delphi* 189

5.3.3 Perbincangan Kerangka Aktiviti Imaginasi dalam Pembelajaran Literasi Awal Murid Orang Asli 193

## 5.4 Implikasi Kajian dan Cadangan 202

5.4.1 Implikasi Teoritikal 202

5.4.2 Implikasi Metodologi 207

5.4.3 Implikasi Amalan 209

5.4.3.1 Implikasi dan Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia 209





5.4.3.2 Implikasi dan Cadangan kepada Guru dan Ibu Bapa	212
5.4.3.3 Implikasi dan Cadangan kepada Murid Orang Asli	214
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	215
5.6 Penutup	217
<b>RUJUKAN</b>	220
<b>LAMPIRAN</b>	245





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
1.1 Bilangan kanak-kanak Orang Asli yang tidak melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah pada tahun 2018 mengikut negeri di semenanjung Malaysia	3
3.1 Kajian-kajian yang telah dipilih untuk dijadikan sampel dalam langkah satu kajian	97
3.2 Butiran pakar-pakar dalam temu bual	102
3.3 Skala Persetujuan Cohen Kappa	113
3.4 Nilai Persetujuan bagi Koefisien Kappa	114
3.5 Kesahan kandungan instrumen soal selidik	117
3.6 Kesahan bahasa instrumen soal selidik	117
3.7 Kajian rintis- nilai pekali kebolehpercayaan item instrumen soal selidik	119
3.8 Pemboleh ubah linguistik tujuh skala	126
4.1 Kekerapan tema objektif kajian	130
4.2 Dapatan kajian bertema imaginasi	131
4.3 Dapatan kajian bertema pembelajaran literasi kanak-kanak	132
4.4 Dapatan kajian bertema pendidikan murid Orang Asli	136
4.5 Aktiviti-aktiviti imaginasi yang sesuai dilaksanakan dalam pembelajaran literasi mengikut kajian	139
4.6 Kekerapan cadangan aktiviti-aktiviti imaginasi mengikut kajian	142
4.7 Analisis aktiviti-aktiviti imaginasi yang disarankan oleh pakar- pakar	155
4.8 Taburan pakar berdasarkan jantina	158





4.9	Taburan pakar berdasarkan kaum	158
4.10	Taburan responden berdasarkan kategori sekolah	159
4.11	Taburan pakar berdasarkan taraf pendidikan	159
4.12	Taburan pakar berdasarkan bidang kepakaran	160
4.13	Taburan pakar berdasarkan pengalaman mengajar	161
4.14	Nilai <i>threshold</i> dan peratus kesepakatan pakar bagi kesesuaian aktiviti imaginasi untuk konstruk kemahiran mendengar dan bertutur	163
4.15	Kesesuaian dan kebolehgunaan aktiviti imaginasi untuk kemahiran mendengar dan bertutur mengikut pakar	165
4.16	Nilai <i>threshold</i> dan peratus kesepakatan pakar bagi kesesuaian aktiviti imaginasi untuk konstruk kemahiran membaca	168
4.17	Kesesuaian dan kebolehgunaan aktiviti imaginasi untuk kemahiran membaca mengikut pakar.	169
4.18	Nilai <i>threshold</i> dan peratus kesepakatan pakar bagi kesesuaian aktiviti imaginasi untuk konstruk kemahiran menulis	172
4.19	Kesesuaian dan kebolehgunaan aktiviti imaginasi untuk kemahiran menulis mengikut pakar	173





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka teori kajian	21
1.2 Kerangka konseptual kajian	22
2.1 Gambarajah Venn Model Pemunculan Literasi Komprehensif Rohde (2015)	59
2.2 Kerangka kerja pemahaman-pemahaman imaginatif dan teknik pengajaran	83
2.3 Lapan cara kerja Pedagogi Peribumi Yunkaporta (2010)	90
3.1 Langkah-langkah dalam membina Kerangka Aktiviti Imaginasi dalam Pembelajaran Literasi Awal Murid Orang Asli	96
3.2 Carta alir proses analisis teknik <i>Fuzzy Delphi</i>	125
5.1 Dapatan langkah satu dan dua serta langkah membina kerangka aktiviti imaginasi	195
5.2 Kerangka Aktiviti Imaginasi dalam Pembelajaran Literasi Awal Murid Orang Asli	196





## SENARAI SINGKATAN

DAP	Developmentally Appropriate Practice
CELM	Comprehensif Early Literacy Model
FDM	Fuzzy Delphi Method
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
KAP	Kurikulum Asli Penan
KEDAP	Kelas Dewasa Asli Penan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LINUS	Literasi dan Numerasi
NELP	National Early Literacy Panel
NKRA	National Key Result Areas
PIKAP	Pelan Intervensi Khas Murid Asli Peribumi
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SMOA	Sekolah Kebangsaan Murid Orang Asli
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah





## SENARAI LAMPIRAN

- A Protokol Temu Bual
- B Borang Soal Selidik
- C Contoh Borang Kebolehpercayaan Temu Bual
- D Contoh Borang Kesahan Soal Selidik
- E Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- F Analisis Kajian Rintis
- G Dapatan Analisis Meta
- H Analisis Nilai *Treshold* „d“ Konstruk 1
- I Analisis Nilai *Treshold* „d“ Konstruk 2
- J Analisis Nilai *Treshold* „d“ Konstruk 3





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan



Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting untuk mengubah sesebuah negara bangsa mencapai ketamadunan yang tinggi. Sistem pendidikan Malaysia telahpun mengalami banyak perubahan sejak merdeka lagi mengikut evolusi pendidikan dunia baik daripada segi sistem pengurusan pendidikan, kurikulum, pentaksiran mahupun pedagogi guru-guru sekolah. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah mewujudkan satu panduan dalam sistem pendidikan negara melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berbunyi:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembang lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan”.

(Falsafah Pendidikan Kebangsaan, 1993)





Usaha ini adalah untuk melahirkan bangsa Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab serta dapat memberikan sumbangan terhadap kesejahteraan masyarakat dan negara. Dalam menghadapi pendidikan global ini isu-isu yang membenggu masyarakat peribumi terus diberikan perhatian oleh kerajaan. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, pelbagai usaha dan perancangan telah dilakukan untuk membangunkan pendidikan masyarakat Orang Asli terutamanya dalam aspek penguasaan literasi. Hal ini telah bermula sejak tahun 2010 lagi dimana Bidang Keberhasilan Utama Kebangsaan (NKRA) telah menasarkan bahawa semua murid termasuklah murid Orang Asli berkeupayaan untuk menguasai asas literasi dan numerasi kecuali murid berkeperluan khas selepas tiga tahun murid mengikuti pendidikan rendah. Walau bagaimanapun, dalam pelbagai usaha kerajaan memacu kualiti pendidikan masyarakat Orang Asli setaraf dengan bangsa-bangsa lain di negara ini, masih terdapat beberapa isu yang membenggu etnik minoriti Orang Asli sekaligus menyebabkan masyarakat ini berada terpinggir.

Permasalahan pendidikan Orang asli ini bukan hanya terbatas pada pencapaian akademik (Dentan & Juli Edo, 2008), dan penguasaan bahasa (Vanitha, Saedah Siraj, Norlidah Alias & Zaharah Hussin, 2011; Saedah Siraj & Vanitha, 2010; Juli Edo, 2005) tetapi telah menjangkaui masalah akademik, sosiobudaya dan ekonomi (Mohd Fauzi Mohd Harun, Noraini Idris, & A. Gani Osman, 2009). Hal ini bertitik tolak daripada permasalahan murid Orang Asli gagal menguasai kemahiran berbahasa iaitu kemahiran lisan, membaca dan menulis dengan baik. Kemahiran-kemahiran ini pula hanya boleh dikuasai selepas murid dapat menguasai kemahiran literasi awal pada peringkat awal sebelum memasuki alam persekolahan. Masalah ini juga menyebabkan





mereka mengalami kesulitan untuk meneruskan pendidikan ke peringkat lebih tinggi dalam mata pelajaran seperti matematik, sains, sejarah dan sebagainya (Erikson, 2014; Isahak, 2007). Antara faktor yang mempengaruhi tahap literasi yang rendah dalam kalangan murid Orang Asli ialah faktor ibu bapa, gangguan bahasa ibunda dalam bacaan, persekitaran tempat tinggal, kemiskinan atau sosioekonomi dan ketidakhadiran ke sekolah (Ramle & Faridah, 2012).

Lebih membimbangkan kadar murid Orang Asli yang tidak meneruskan pelajaran mereka ke sekolah menengah tidak menunjukkan penurunan yang ketara. Hal ini menunjukkan masih terdapat kanak-kanak Orang Asli yang tercicir daripada alam persekolahan walaupun negara sudah pun merdeka sejak 60 tahun yang lalu. Bilangan kanak-kanak Orang Asli yang tidak melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah pada tahun 2018 ditunjukkan di dalam **Jadual 1.1** di bawah.



**Jadual 1.1**

*Bilangan kanak-kanak Orang Asli yang tidak melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah pada tahun 2018 mengikut negeri di semenanjung Malaysia*

Negeri	Bil. Pelajar Tamat Darjah 6 Tahun 2017	Bil. Pelajar Mendaftar Tingkatan 1 Tahun 2018	Bilangan Pelajar Cicir 2018	Peratus Keciciran (%)
Johor	286	283	3	1.05%
Kelantan & Terengganu	429	255	174	40.56%
N. Sembilan & Melaka	261	204	57	21.84%
Perak & Kedah	967	937	30	3.10%
Pahang	1,631	1,328	303	18.58%
Selangor & W. Persekutuan	420	308	112	26.67%
<b>Jumlah</b>	<b>3,994</b>	<b>3,315</b>	<b>679</b>	<b>17.00%</b>

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), 2018.



Oleh itu, dibawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 kerajaan bukan sahaja memberi perhatian kepada membaiki infrastruktur pendidikan dan meluaskan akses pendidikan yang berkualiti tetapi juga memberi fokus kepada meningkatkan kadar literasi dan numerasi dalam kalangan murid sekolah rendah melalui Program Literasi dan Numerasi (Ruslan Abdullah, 2018). Dalam hal ini juga, masyarakat Orang Asli tidak dipinggirkan apabila kerajaan turut melancarkan Pelan Lima Tahun Transformasi Pendidikan Orang Asli dari tahun 2010 hingga 2018 yang memberi peluang pendidikan yang bersesuaian dengan kehendak kanak-kanak Orang Asli dan Penan. Selain daripada pelan perancangan dan pembangunan untuk komuniti Orang Asli ini kerajaan turut melaksanakan beberapa program yang lain untuk meningkatkan keberhasilan murid Orang Asli seperti pembangunan, Kurikulum Asli dan Penan (KAP), Pelan Intervensi Khas Murid Asli Peribumi (PIKAP), Kelas Dewasa Orang Asli Penan (KEDAP) dan Penerapan Bahasa Peribumi dan Bahasa Minoriti (Nurul Islam & Zulkefli Aini, 2018).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia dilihat begitu komited apabila memfokuskan untuk mengkaji masalah pembelajaran murid-murid dalam sistem pendidikan negara, mencari jalan penyelesaian untuk melaksanakan perubahan yang diperlukan bagi mencapai aspirasi pendidikan negara. Antara bidang yang diberikan perhatian ialah kurikulum dan pentaksiran, pengukuhan kemahiran berbahasa, intervensi terhadap peningkatan prestasi sekolah, pendidikan khas, pendidikan kumpulan peribumi dan minoriti lain, serta pendidikan untuk murid-murid yang pintar dan cerdas. Untuk itu, Program Literasi dan Numerasi (LINUS) telah diperkenal oleh kementerian bermula dari tahun 2010 secara berpusat sebelum diserah kepada pihak sekolah untuk



meneruskan program tersebut berdasarkan keperluan sekolah masing-masing pada tahun 2019.

Walau bagaimanapun, isu buta huruf dalam kalangan kanak-kanak orang asli ini masih lagi berterusan dan membelenggu sistem pendidikan negara. Masalah buta huruf dalam kanak-kanak Orang asli juga merentasi sempadan dunia. Organisasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Pendidikan, Sains dan Kebudayaan, UNESCO (2008) menunjukkan terdapat 885 juta penduduk dunia yang berumur 15 tahun ke atas adalah buta huruf. Penduduk minoriti Orang Asli yang dibelenggu masalah kemiskinan dan jauh di pedalaman menyumbang sebanyak 72% daripada masalah buta huruf di dunia berdasarkan statistik tersebut. Situasi yang sama juga berlaku di dalam negara Malaysia dan hal ini telah menjadi tumpuan dan agenda nasional (Omar Othman, 2010; Saedah Siraj & Vanitha, 2010; Juli Edo, 2005; Phuah, 2002). Isu dan permasalahan literasi dalam kalangan etnik minoriti Orang Asli terutamanya kanak-kanak Orang Asli masih ditakuk lama, walaupun negara telahpun mencapai kemerdekaan dalam tempoh yang lama (Omar Othman, 2010; Kamarulzaman & Osman, 2008; Juli Edo, 2008; Phuah, 2002; Santha Kumar, 2001).

Untuk membendung masalah ini kementerian telah mengambil tindakan yang drastik dengan merancang dan melaksanakan pelbagai pelan seperti Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, Pelan Pembangunan Strategik Orang Asli, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli. Secara umumnya, fokus pelan-pelan ini adalah untuk meningkatkan kadar literasi kanak-kanak Orang Asli pada tahap satu persekolahan mereka, selain daripada meluaskan akses pendidikan, ekuiti serta kualiti pendidikan negara. Boleh dikatakan, kesemua pelan pendidikan yang digubal





memberikan fokus terhadap pembangunan pendidikan kanak-kanak Orang Asli. Program-program seperti menaik taraf Sekolah Kebangsaan Murid Orang Asli (SMOA), Program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9), penerapan bahasa peribumi dan minoriti dalam kurikulum, Kelas Dewasa Asli Penan (KEDAP) untuk ibu bapa murid SMOA, dan Kurikulum Sekolah Rendah Murid Orang Asli dan Penan (KAP) telah dibangunkan (Zulkefli, Abdul Ghafar & Nurul Islam, 2019). Mengambil contoh KAP yang dibangunkan berdasarkan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan kemudiannya disesuaikan dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menekankan aspek kandungan yang sesuai dengan persekitaran dan sosiobudaya masyarakat murid Orang Asli.

Walaupun pelbagai pelan, langkah dan strategi yang dilakukan oleh pihak

kerajaan untuk membantu meningkatkan tahap literasi dalam kalangan murid Orang Asli, namun dapatan-dapatkan kajian dahulu tetap menunjukkan masih terdapat murid yang tidak menguasainya. Dalam hal ini, guru-guru murid Orang Asli memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu murid Orang Asli menguasai kemahiran literasi dengan baik. Dalam menghadapi dunia yang penuh dengan teknologi moden ini sudah pastinya tugas guru menjadi semakin mencabar. Kesediaan dan kesanggupan guru dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dijadikan sebagai pemangkin untuk mewujudkan pendidikan yang berkualiti (Hamzah, 2006). Dalam hal ini guru-guru murid Orang Asli perlu menguasai kemahiran mengajar literasi terutamanya literasi awal, tambahan pula kanak-kanak orang Asli tidak mendapat pendidikan awal daripada ibu bapa mereka disebabkan sikap ibu bapa mereka yang tidak mementingkan pendidikan (Ramle Abdullah & Hood Salleh, 2010; Phuah Bee Yoong, 2002). Oleh itu, guru-guru murid Orang Asli boleh dikatakan sebagai sumber





pendidikan yang pertama dan utama untuk murid-murid belajar membaca dan menulis. Pendekatan dan aktiviti yang dirancang oleh guru murid Orang Asli bukan hanya perlu sesuai dengan tahap kognitif mereka namun, perlu juga bersesuaian dengan persekitaran dan budaya masyarakat Orang Asli itu sendiri (Noriati A. Rashid, Boon Pong Yin, Sharifah Fakriah Syed Ahmad & Zuraidah A. Majid, 2011). Kemahiran guru-guru murid Orang Asli dalam pendekatan pedagogi peribumi dan penyediaan bahan pengajaran yang sesuai sangat diperlukan.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi memberi peluang baharu untuk menangani isu literasi dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli. Peranan guru sebagai perancangan aktiviti pembelajaran amatlah diperlukan dan harus diperbaiki dari masa ke semasa. Apatah lagi proses pembelajaran mereka hanya berlaku apabila mereka hadir ke sekolah disebabkan ibu bapa tidak memainkan peranan untuk membantu pembelajaran anak-anak mereka (Abdul Sukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Dali, 2011). Pendidikan yang berkesan bagi murid-murid Orang Asli adalah menjurus kepada keperluan untuk meningkatkan kemahiran literasi yang berkesan. Hal ini kerana bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar di sekolah dan semua mata pelajaran di sekolah menggunakan bahasa Melayu dalam pengajaran kecuali mata pelajaran bahasa Inggeris. Manakala, mata pelajaran bahasa Inggeris pula wajib diambil oleh murid-murid di sekolah termasuklah murid Orang Asli menyebabkan mereka perlu menguasai dua buah bahasa di sekolah.

Penekanan perlu diberikan seawal mungkin dan tugas ini perlu dipikul oleh guru prasekolah dalam usaha meningkatkan tahap literasi murid yang rendah ini (Luetke-Stahlman & Luckner, 1991). Walau bagaimanapun, berpandukan situasi semasa di sekolah-sekolah murid Orang Asli tanggungjawab memupuk literasi awal





bukan sahaja dipikul oleh guru prasekolah malah turut sama terbeban adalah guru-guru bahasa Melayu dan bahasa Inggeris tahap satu. Situasi ini disebabkan kebanyakan murid Orang Asli tidak mendapat pendidikan yang formal sebelum mereka memasuki alam persekolahan secara formal di tahun satu . Berdasarkan hal ini guru perlu bijak merancang, membina dan mengelola pengajaran (Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali, 2011). Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Zamri Mahamod, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Juliawati Ibrahim (2009) keberkesanan pengajaran banyak bergantung kepada sejauh mana guru berjaya mencapai objektif untuk membantu kanak-kanak belajar apa yang diajarkan.

Berdasarkan isu yang dibangkitkan diatas, kajian ini perlu bagi membantu meningkatkan penguasaan literasi yang rendah dalam kalangan murid Orang Asli yang berlarutan sejak negara merdeka lagi. Kajian ini juga bakal membantu guru-guru SMOA dalam merancang dan melaksanakan pedagogi yang berkesan dalam pengajaran literasi awal untuk murid-murid Orang Asli. Menerusi pembinaan kerangka aktiviti pembelajaran literasi awal yang memberi pengkhususan terhadap keperluan murid-murid Orang Asli diharapkan isu dan masalah literasi murid Orang Asli ini dapat ditangani. Kajian ini juga memberi peluang kepada guru dan bakal guru murid Orang Asli untuk menerapkan elemen imaginasi di dalam aktiviti pembelajaran yang turut berlatarkan budaya dan nilai tempatan dalam konteks pendidikan kanak-kanak Orang Asli tanpa meminggirkan aspirasi pendidikan nasional.

Seterusnya, kajian ini juga dapat memanfaatkan para pentadbir pendidikan dalam menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran kanak-kanak Orang Asli dengan memberi penekanan terhadap peripentingnya mengaplikasi pedagogi pengajaran yang sesuai dengan keadaan dan persekitaran sekolah. Selain itu,



penyelidikan ini memberi panduan dan manfaat jabatan dan badan kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan masyarakat Orang Asli seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Pusat Kecemerlangan Pedagogi Peribumi, Institut Pendidikan Guru dan Badan Bukan Kerajaan supaya memilih pendekatan yang baharu bagi menangani isu penguasaan literasi dalam kalangan murid Orang Asli dengan menggunakan dapatan kajian ini.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kegagalan murid-murid Orang Asli menguasai literasi telah lama dibicarakan oleh ramai pendidik. Malahan, isu murid-murid Orang Asli gagal menguasai literasi merupakan isu global (Dennis, Lynch, & Stockall, 2012; Guzel & Berberoglu, 2005; Cumming-Potvin, Renshaw & Van Kraayenoord, 2003). Bahkan isu ini telah mendapat perhatian dan diberikan fokus dalam pembentukan agenda pendidikan oleh negara-negara di dunia (Rancangan Malaysia Ke-10, 2010). Di Malaysia, kerajaan menerusi Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan keprihatinan terhadap masalah ini. Hal ini dapat dibuktikan apabila isu literasi murid Orang Asli ini telah dimasukkan sebagai salah satu agenda pendidikan negara seperti Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Pelbagai usaha dan program telah dijalankan oleh bermacam-macam organisasi sama ada jabatan-jabatan kerajaan mahupun organisasi badan bukan kerajaan untuk menangani isu pendidikan Orang Asli, namun hasilnya masih lagi tidak memuaskan. Tahap Pendidikan kanak-kanak Orang Asli masih rendah dan dihantui dengan permasalahan yang sama seperti kadar buta huruf yang tinggi (Omar



Othman, 2010; Saedah Siraj & Vanitha Thanabalan, 2010; Juli Edo, 2005; Phuah Bee Yoong, 2002). Selepas pelbagai perancangan, penyelidikan, pendekatan dan strategi yang diadakan namun masih terdapat kanak-kanak Orang Asli yang berada dalam sistem pendidikan negara namun buta huruf. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keperluan pendidikan kanak-kanak Orang Asli terutamanya dalam pembelajaran literasi awal seperti saranan dan cadangan yang dibuat oleh Nazariyah Sani (2014) supaya aktiviti-aktiviti di dalam modul literasi dapat dirancang lebih bersesuaian dengan murid Orang Asli.

Dapatan kajian- kajian lalu yang dijalankan di dalam mahupun di luar negara lebih banyak menumpukan kepada faktor-faktor yang menyebabkan murid-murid Orang Asli buta huruf dan gagal menguasai literasi seperti faktor murid itu sendiri, faktor keluarga, faktor budaya dan faktor guru (Abdul Sukor & Kalaidevi, 2012; Willingham, 2012; Haak, Downer & Reeve, 2012; Wright, 2012). Kajian lalu juga mendapati isu murid-murid tidak dapat menguasai literasi dan numerasi berpunca daripada lima faktor yang mempengaruhi masalah ini antaranya ialah masalah pembelajaran murid itu sendiri seperti masalah perkembangan (Rasinski, 2013; Bunn, 2006) psikologi (Macfarlane, 2012), individu (Willingham, 2012;), kognitif yang lemah (Kranzler & Floyd, 2013), kurang motivasi (Nasrudin, Mohd Suhaimi, Junaenah, Manisah & Noor Rahamah, 2016; Wright, 2012), kedua, strategi P&P guru (Morris, Lloyd, Millenky, Leacock, Raver & Bangser, 2013), ketiga, bahan kurikulum untuk murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran (Willingham, 2012), keempat, latar belakang keluarga dan murid-murid (Haak et. al, 2012), kelima, pendidikan imbuhan (Wright, 2012).





Di Malaysia, beberapa kajian telah dilakukan untuk mengesan dan mengetahui jumlah murid buta huruf yang berada di sekolah-sekolah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia. Statistik pada tahun 2009 menunjukkan peratus murid-murid tahun lima yang tidak mempunyai kemahiran literasi di setiap negeri iaitu di Selangor 15.4 %, Johor 15.9%, Sarawak 11.4%, Kedah 9.6%, Sabah 9.2%, Kelantan 8.4%, Perak 6.7%, Penang 5.8%, dan Pahang 5.7%, (NKRA Pendidikan , 2010). Berdasarkan statistik ini, peratus murid tidak menguasai literasi amat membimbangkan dan wajar diberikan perhatian yang khusus untuk menyelesaikan masalah ini. Taburan gred pencapaian UPSR 2018 pula menunjukkan murid di sekolah Orang Asli dan sekolah Model Khas K9 masih belum dapat menguasai mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik dan peratus murid belum mencapai tahap minimum (sekurang-kurangnya D) melebihi 50% (KPM, 2018). Kajian dan statistik yang ditunjukkan ini dapat menunjukkan masalah dan isu tidak menguasai literasi dan numerasi dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dan menengah sememangnya wujud sehingga kini.

Terdapat juga kajian lalu yang hanya memberikan fokus terhadap keberkesanan sesuatu dasar atau program yang dijalankan oleh pihak yang berkaitan (Zulkefli, Abdul Ghafar & Nurul Islam, 2019; Nurul Islam & Zulkefli, 2018; Sharifah, Samsilah, Aminuddin, Kamaruddin, Mohamad Azhar & Jaimah, 2011; Hasmah Abdul Manaf, 2011; Ramlah Abdul Rahman, 2009). Hal ini dapat dilihat daripada hasil pemantauan penggunaan modul Kurikulum Asli Penan yang dilihat kurang berkesan dan tidak memberikan impak yang positif disebabkan tidak sesuai dengan keperluan kanak-kanak Orang Asli. Isu ini disokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Sharifah et al. (2011) yang mendapati penggunaan modul KAP hanya





berkesan apabila modul tersebut disesuaikan mengikut keperluan murid-murid Orang Asli disekolah.

Kajian yang dilaksanakan oleh Nazariyah Sani (2014) pula mendapati modul yang diguna pakai dalam program LINUS kurang difahami oleh murid-murid Orang Asli yang mana aktiviti-aktiviti yang terdapat di dalam modul terlalu umum dan sukar dicapai pada tahap kemampuan murid-murid Orang Asli. Hal ini disebabkan mereka tidak mempunyai asas yang kukuh dan sudah pasti keadaan ini menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran yang mahu dijalankan oleh guru. Dapatkan daripada kajian itu juga mendapati pelbagai cabaran yang ditempuhi oleh guru literasi murid-murid Orang Asli di sekolah. Antara yang paling kritikal ialah beban guru saat mengajar dan kemampuan mereka dalam mengatur reka bentuk pembelajaran. Cabaran guru literasi di sekolah murid-murid Orang Asli tidak patut dipandang remah dan perlu diberikan perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Kajian-kajian lalu yang berkaitan dengan bacaan dan literasi murid Orang Asli juga ada dijalankan. Antara kajian yang dilakukan ialah berkaitan dengan bacaan Orang Asli melalui kajian tentang masalah membaca murid Orang Asli (Abd. Aziz, Ramlah, Md. Nasir, Suppiah & Roslinda, 2010). Kajian-kajian yang dilakukan ini hanya memfokuskan kepada punca-punca masalah yang dihadapi oleh murid-murid Orang Asli di sekolah tanpa menghasilkan cara-cara untuk menangani masalah tersebut. Seperti yang dicadangkan di dalam kajian Rosniza Aznie Che Rose, Nor Hazlinda Saari dan Novel Lyndon (2017) yang berpendapat bahawa salah satu langkah meningkatkan literasi murid Orang Asli adalah dengan melaksanakan teknik-teknik pembelajaran dan pengajaran yang menarik dan berkesan.



Walaupun terdapat banyak penyelidikan ilmiah yang dilakukan oleh pelbagai pihak terhadap pendidikan anak-anak Orang Asli di Malaysia, namun masih terdapat lompong yang perlu dibaiki dan diisi melalui penyelidikan ini. Hal ini kerana banyak penyelidikan yang lepas lebih menumpukan bentuk kajian deskriptif atau kajian tinjauan yang hanya menumpukan kepada pencapaian akademik dalam kalangan anak-anak Orang Asli (Fatan Hamamah Yahaya & Shahrier Pawanchik, 2008; Kamarulzaman Khairuddin & Osman Jailani, 2008; Rushton 2007; Phuah Bee Yoong, 2002) dan penguasaan bahasa dalam kalangan Orang Asli (Renganathan, 2011; Shahrier Pawanchik, Anton A.K. & Fatan Hamamah Yahaya, 2010; Nambiar & Govindasamy, 2010). Terdapat juga kajian yang menggunakan kaedah pembangunan model atau modul seperti kajian pembangunan model *homescholing* kanak-kanak Orang Asli (Mohd Nazri, 2014) dan pembangunan modul (Vanitha Thanabalan, 2011). Walau bagaimanapun, kajian tersebut hanya memberikan perhatian kepada isu penguasaan bahasa Inggeris dalam kanak-kanak Orang Asli daripada suku kaum Temuan (Vanitha Thanabalan, 2011).

Tuntasnya, kajian yang dilakukan terhadap aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan persekitaran kanak-kanak Orang Asli dalam menangani isu literasi kanak-kanak Orang Asli amat kurang. Namun, tidak dapat dinafikan terdapat juga penyelidikan pembangunan modul pedagogi yang dibina oleh para penyelidik, tetapi modul yang dibina ini lebih bersifat umum berdasarkan mata pelajaran tertentu dahulu pastinya tidak menjurus kepada murid-murid Orang Asli (Aminah Ma Ping, 2011; Norlidah Alias, 2010; Dewitt, 2010) Isu penguasaan literasi murid-murid Orang Asli ini kekal menjadi tumpuan kerajaan dan kementerian dan dijadikan salah satu agenda nasional sejak lebih 60 tahun kemerdekaan negara ini. Oleh itu, suatu

bentuk penyelidikan yang lebih komprehensif dan lebih menjurus kepada menangani masalah literasi murid Orang Asli perlu dilakukan.

Justeru itu, dalam menangani masalah literasi dalam kalangan murid Orang Asli ini, pendekatan dan strategi pembelajaran yang berbeza harus diterokai oleh penyelidik dan guru (Norwaliza, Abdul Razaq & Mohd Mahzan, 2019). Elemen imaginasi dalam aktiviti pembelajaran literasi awal boleh digunakan oleh guru-guru murid Orang Asli dalam meningkatkan penguasaan murid tersebut. Imaginasi merupakan salah satu bahagian daripada pengalaman pembelajaran kanak-kanak. Walau bagaimanapun, ianya kekal terpinggir dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak. Sebenarnya, idea untuk menggunakan imaginasi dalam kanak-kanak untuk pengajaran dan pembelajaran literasi telah banyak disarankan oleh ahli falsafah pendidikan, penyelidik dan pengamal pendidikan (McNamee, 2015; Isenberg & Jalongo, 2014; Dyson, 2014; Dyson & Genishi, 2009; Alcock, 2007; Rosenblatt, 2005; Gallas, 2003; Greene, 2001). Namun, peranan imaginasi dalam pendidikan kekal terpinggir dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Menurut Dewey (1934 dalam Azli 2018), imaginasi ialah suatu cara melihat dan merasakan sesuatu sebagaimana kedua-duanya bergabung secara menyeluruh dan pencampuran minat dalam sesuatu perkara dimana fikiran akan berhubung dengan dunia yang nyata. Vygotsky (2004) mengungkapkan imaginasi sebagai pengalaman yang boleh membangkitkan rasa ingin tahu, menguatkan inisiatif dan membina keinginan dan tujuan individu. Idea untuk melibatkan imaginasi kanak-kanak dalam pembelajaran literasi sama ada dalam konteks pendidikan mahupun sosial bukan sesuatu yang baharu. Pengalaman kanak-kanak yang didorong oleh imaginasi adalah



pemangkin kepada pembelajaran yang bermakna dan seronok secara berterusan (Dewey, 1938 dalam Azli, 2018).

Imaginasi kanak-kanak selalunya berfungsi sebagai perangsang kepada interaksi sosial mereka yang akan menyebabkan percambahan idea dalam kalangan peserta lain (Paley, 2004). Dalam hal ini, imaginasi bukan sahaja proses kognitif individu tetapi juga melibatkan proses sosial secara keseluruhan yang boleh membawa kanak-kanak memasuki dunia baharu yang berlainan dan salah satu cara untuk melahir dan meneroka pelbagai idea yang baharu. Melalui cara ini, bolehlah dikatakan imaginasi akan memberi kesan kepada cara kanak-kanak belajar, mengguna, bertindak, berfikir dan berbual tentang literasi dan juga sains (Street, 1995) dan secara tidak langsung latihan literasi kanak-kanak akan terbentuk (Black, 2009).



Berdasarkan pendapat-pendapat pakar dan ilmuan diatas adalah tidak dapat dinafikan hubungan diantara imaginasi dan literasi awal kanak-kanak. Namun, di Malaysia pembelajaran yang menerapkan elemen imaginasi tidak banyak digunakan oleh guru-guru. Kelebihan elemen imaginasi ini sewajarnya dimanfaatkan oleh tenaga pengajar sebagai alternatif kepada pendekatan dan strategi pembelajaran untuk mengajar literasi awal kepada murid-murid terutamanya murid Orang Asli. Dalam hal ini, penerapan elemen imaginasi dalam pengajaran literasi awal murid Orang Asli diharapkan dapat menangani isu-isu literasi kanak-kanak Orang Asli seperti buta huruf, penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan isu kegagalan komunikasi murid Orang Asli dengan masyarakat luar. Justeru, elemen imaginasi dalam pembelajaran literasi awal untuk murid Orang Asli berpotensi untuk



diperkenalkan kepada guru-guru murid Orang Asli untuk menangani salah satu cabaran pendidikan kanak-kanak Orang Asli ini.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti aktiviti pembelajaran yang menerapkan elemen imaginasi untuk pembinaan Kerangka Aktiviti Imaginasi dalam Pembelajaran Literasi Awal Murid Orang Asli. Fokus kajian ini adalah mengenai penguasaan literasi awal murid Orang Asli suku kaum Temiar di daerah Kuala Kangsar. Aktiviti pembelajaran literasi berelemen imaginatif yang sesuai dengan tahap kognitif murid Orang Asli boleh dijadikan panduan dalam menangani masalah keciciran murid untuk menguasai kemahiran membaca dan menulis serta pencapaian akademik mereka yang rendah. Oleh itu, pembangunan kerangka aktiviti pembelajaran imaginatif untuk meningkatkan penguasaan literasi awal murid Orang Asli ini boleh diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap penguasaan bahasa kanak-kanak Orang Asli. Berdasarkan sorotan kajian, aktiviti pembelajaran yang menerapkan elemen imaginatif ini belum digunakan dan dibangunkan oleh mana-mana pihak dalam usaha menangani masalah penguasaan literasi awal murid Orang Asli.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan di dalam tiga langkah dengan menggunakan tiga kaedah iaitu Analisis Meta, temu bual dan soal selidik. Langkah-langkah ini adalah berdasarkan kepada pendekatan kajian yang meliputi objektif-objektif kajian seperti yang berikut:



1. Mengenal pasti aktiviti-aktiviti imaginasi yang boleh dilaksanakan dalam pembelajaran literasi awal murid Orang Asli.
2. Mengenal pasti aktiviti imaginasi yang sesuai dan dapat diguna pakai dalam pembelajaran literasi awal bagi meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur murid Orang Asli berdasarkan kesepakatan pakar.
3. Mengenal pasti aktiviti imaginasi yang sesuai dan dapat diguna pakai dalam pembelajaran literasi awal bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid Orang Asli berdasarkan kesepakatan pakar.
4. Mengenal pasti aktiviti imaginasi yang sesuai dan dapat diguna pakai dalam pembelajaran literasi awal bagi meningkatkan penguasaan kemahiran menulis murid Orang Asli berdasarkan kesepakatan pakar.

Untuk mencapai objektif kajian yang pertama, kaedah Analisis Meta dan temubual akan dijalankan bagi mendapatkan maklumat tentang senarai aktiviti imaginasi yang sesuai digunakan di dalam pembelajaran literasi awal murid Orang Asli. Item-item soal selidik akan dibina berdasarkan analisis dan dapatan daripada kaedah yang digunakan di dalam langkah pertama dan kedua.

Manakala dalam langkah tiga pula, teknik *Fuzzy Delphi* (Kaufmann & Gupta, 1988) digunakan bersama-sama pakar-pakar akademik yang berpengalaman yang mempunyai kepakaran terhadap pendidikan kanak-kanak Orang Asli. Teknik ini digunakan bagi mendapatkan kesepakatan pakar tentang aktiviti yang sesuai untuk dimasukkan di dalam kerangka aktiviti imaginasi dalam pembelajaran literasi awal murid Orang Asli daripada suku Temiar.





## 1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif yang berkenaan, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan seperti yang berikut:

1. Apakah aktiviti-aktiviti imaginasi yang boleh dilaksanakan dalam pembelajaran literasi awal untuk murid Orang Asli?
2. Apakah aktiviti imaginasi yang sesuai dan dapat diguna pakai dalam pembelajaran literasi awal bagi meningkatkan penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur murid Orang Asli berdasarkan kesepakatan pakar?
3. Apakah aktiviti imaginasi yang sesuai dan dapat diguna pakai dalam pembelajaran literasi awal bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca murid Orang Asli berdasarkan kesepakatan pakar?
4. Apakah aktiviti imaginasi yang sesuai dan dapat diguna pakai dalam pembelajaran literasi awal bagi meningkatkan penguasaan kemahiran menulis murid Orang Asli berdasarkan kesepakatan pakar?

## 1.7 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian ini dibina berdasarkan kepada hasil tinjauan literatur yang berkaitan dengan teori-teori pembelajaran, teori kemahiran literasi awal dan model-model pedagogi yang dibangunkan oleh para sarjana termasuklah model pedagogi peribumi. Kerangka teori kajian ini merupakan gabungan teori serta model yang berikut:



- i. Teori Pemunculan Literasi (Clay, 1966)
- ii. Teori Imaginasi Kanak-kanak (Vygotsky, 1930)
- iii. Model Pendidikan Imagenatif (Egan, 2005)
- iv. Model Pemunculan Literasi Komprehensif (Rohde, 2015)
- v. Model Pedagogi Peribumi (Battiste, 2002)

Teori pembelajaran pemunculan literasi yang digunakan di dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap perkembangan dan proses pembelajaran kanak-kanak terhadap perkembangan literasi. Melalui teori dan model pemunculan literasi kanak-kanak ini, penyelidik dapat melihat hubungan diantara proses perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Penyelidik telah memilih Teori Pemunculan Literasi (Clay 1966), yang merupakan tokoh yang pertama memperkenalkan istilah „*emergent literacy*“. Menurut beliau kanak-kanak belajar membaca secara berperingkat melalui pemerhatian, pendengaran dan percubaan-percubaan membaca dan menulis sebelum boleh melakukan aktiviti membaca dan menulis yang sebenar. Proses pembelajaran secara berperingkat-peringkat sangat sesuai digunakan untuk mengajarkan literasi awal kepada kanak-kanak Orang Asli.

Model Pemunculan Literasi Komprehensif yang dibangunkan oleh Leigh Rohde (2015) pula merupakan penambahbaikan daripada model-model pemunculan literasi terdahulu. Bahkan, model ini telah menitikberatkan faktor budaya dan persekitaran pembelajaran pemunculan literasi kanak-kanak. Hal ini bertepatan dengan kajian ini dimana faktor budaya, persekitaran dan tahap murid diambil berat untuk merancang aktiviti pembelajaran literasi yang sesuai untuk kanak-kanak Orang Asli




Disamping itu, Teori Imaginasi Kanak-kanak Vygotsky pula digunakan untuk mengetahui perkembangan imaginasi dan kreativiti kanak-kanak. Teori ini dapat menjelaskan proses pembinaan imaginasi dan kreativiti kanak-kanak dari segi faktor dan proses yang berkaitan dengan imaginasi dan kreativiti kanak-kanak dengan lebih terperinci. Untuk itu, Model Pendidikan Imagenatif Egan telah dipilih bagi memandu penyelidik untuk memilih aktiviti-aktiviti imaginasi dalam pembelajaran literasi. Di dalam kajian ini, elemen imaginasi dimasukkan di dalam aktiviti pembelajaran literasi bagi meningkatkan penguasaan literasi murid Orang Asli.

Akhir sekali, kerangka teori kajian ini tidak lengkap tanpa merujuk Model Pedagogi Peribumi. Tujuan kajian ini dijalankan juga adalah untuk membantu kanak-kanak Orang Asli untuk menguasai kemahiran literasi. Model Pedagogi Peribumi ini berfokuskan kepada ciri-ciri yang tersendiri iaitu pembelajaran melalui pemerhatian dan perlakuan, pembelajaran melalui pengalaman autentik dan arahan secara individu dan pembelajaran melalui keseronokan. Sebahagian besar aktiviti pengajaran yang berelemenkan imaginasi dan kreativiti menjuruskan kepada pemerhatian, pengalaman dan keseronokan dalam pembelajaran. Oleh itu, Model Pedagogi Peribumi ini amatlah bersesuaian untuk dipilih oleh penyelidik dalam mendasari kerangka teori kajian ini dalam usaha membangunkan kerangka aktiviti pembelajaran literasi awal untuk murid Orang Asli. Secara ringkasnya kesemua teori dan model yang digunakan di dalam kajian ini dapat diterangkan melalui **Rajah 1.1** dibawah.

Justeru, penyelidik berharap pemilihan teori-teori yang mendasari kajian ini dapat membantu meningkatkan penguasaan literasi awal murid Orang Asli di dalam seterusnya mengatasi masalah kemahiran literasi dalam kalangan murid Orang Asli selaras dengan kehendak KPM di dalam Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli.






Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian

## 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Tumpuan kajian ini adalah membina kerangka aktiviti imaginasi dalam pembelajaran literasi awal murid Orang Asli dan seterusnya melihat kesesuaian dan kebolehgunaan aktiviti-aktiviti pembelajaran yang mempunyai elemen imaginasi dalam konteks pendidikan kanak-kanak Orang Asli. Kajian-kajian lampau yang telah diselidiki dan dianalisis akan menjadi panduan dalam membina sebuah kerangka konseptual kajian. Teori dan model berkaitan perkembangan pemunculan literasi, pembelajaran pemunculan literasi, perkembangan imaginasi kanak-kanak, imaginasi dalam pendidikan dan pengajaran literasi serta pendidikan kanak-kanak peribumi dibincangkan secara terperinci bagi menunjukkan dengan lebih jelas idea-idea penting

berkaitan pembinaan aktiviti imaginasi untuk pembelajaran literasi bagi murid Orang Asli.

Kajian ini akan melalui tiga langkah. Teknik *Fuzzy Delphi* antara kaedah yang digunakan dalam kajian untuk menganalisis data dan memperoleh dapatan kajian. Secara khususnya, proses permulaan dan pengakhiran kajian akan ditunjukkan melalui kerangka konseptual kajian sehingga terhasilnya Kerangka Aktiviti Imaginasi dalam Pembelajaran Literasi Awal Murid Orang Asli. Kerangka konseptual ditunjukkan di dalam **Rajah 1.2** yang merangkumi kerangka teoritikal dan ditambah dengan proses kajian.



*Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian*



## 1.9 Definisi Operasional

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa istilah telah digunakan. Bagi menjelaskan makna istilah dalam penyelidikan ini definisi istilah tersebut akan diterangkan. Penerangan makna istilah tersebut adalah seperti yang berikut:

### i. Kesesuaian dan Kebolehgunaan

Menurut Kamus Dewan edisi ke-3, kesesuaian ialah “Keberkesanan” yang berasal daripada perkataan “kesan” bermaksud tanda yang ditinggalkan oleh sesuatu, bekas, sesuatu samada kebaikan atau keburukan yang timbul daripada sesuatu kejadian (keadaan, perbuatan, tindakan dan lain-lain), kesudahan (hasil, akibat) daripada sesuatu. “Keberkesanan” pula bermaksud perihal berkesan (sesuatu tindakan, perubahan dan sebagainya)

Manakala Berdasarkan piawai ISO 9241-11 (1998), kebolehgunaan ditakrifkan sebagai satu produk boleh digunakan oleh pengguna bagi mencapai sasaran yang ditetapkan dengan keberkesanan, kecekapan dan kepuasan penggunaan produk tersebut. Matlamat kebolehgunaan ialah efektif untuk diguna, cekap untuk diguna, selamat untuk diguna, mempunyai kemudahan yang baik, mudah dipelajari, dan mudah diingat. (Nielsen, 2012). Dalam konteks kajian ini kesesuaian dan kebolehgunaan aktiviti merujuk kepada aktiviti pembelajaran yang dapat membantu Murid Orang Asli menguasai kemahiran literasi awal berdasarkan pengalaman pakar.





## ii. Aktiviti Pembelajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang sangat penting untuk guru menyampaikan maklumat dan isi kandungan subjek kepada pelajar. Kaedah mengajar merupakan suatu peredaran kearah satu tujuan yang telah dirancang dengan teratur (Sharifah Alwiah Alsagof, 1986). Aktiviti pengajaran merupakan medium utama untuk guru menyampaikan isi pelajaran dan mencapai objektif pengajaran yang diinginkan. Tuan Jah Tuan Yusof (2011) pula menyatakan kaedah pembelajaran merupakan satu prosedur atau aktiviti yang mengandungi bahan yang tersusun dan diikuti untuk disampaikan kepada murid berdasarkan kehendak pendekatan yang dipilih. Aktiviti pembelajaran merupakan satu jalan untuk mencapai objektif pembelajaran. Di dalam

kajian ini kerangka aktiviti pembelajaran dibentuk dengan menerapkan elemen imaginasi yang dilihat sesuai dengan tahap kognitif murid Orang Asli. Aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dipilih dalam kerangka ini mestilah dilihat sesuai dengan proses pembelajaran literasi awal kanak-kanak.

## iii. Imaginasi

Aktiviti imaginasi melibatkan proses kreatif menerusi kemampuan untuk berimajinasi manusia akan melahirkan idea-idea yang kreatif. Menurut Azhar (2004), imaginasi merupakan gambaran mental tentang sesuatu fenomena yang melampaui logik manusia. Kebolehan individu untuk berimajinasi merupakan syarat penting untuk mengilham idea sekaligus





merangsang fungsi alat-alat yang berkaitan dengan kebolehan literasi kanak-kanak.

#### iv. Literasi Awal

Kemahiran literasi awal didefinisikan sebagai suatu proses perkembangan literasi awal kepada pengetahuan dan tingkah laku membaca dan menulis (Machado, 2016; Moravchik, Nolte & Feeney, 2013). Kemahiran literasi awal juga merupakan kemahiran asas membaca dan menulis kanak-kanak yang wujud pada awal usia dan berkembang sehingga kemahiran tersebut diajar secara standard (Zainiah, Juppri & Mazlina, 2018). Kemahiran ini diajar sebelum mereka mendapat pendidikan secara formal di prasekolah mahupun di sekolah rendah. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian

ini kemahiran literasi awal kanak-kanak Orang Asli diajar secara formal di prasekolah dan sekolah rendah disebabkan faktor-faktor tertentu yang telah dibincangkan di dalam pernyataan masalah.

#### v. Murid Orang Asli

Menurut SUHAKAM (2010), Orang Asli merujuk kepada peribumi di Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada tiga kumpulan kaum iaitu kaum Negrito (terdiri dari enam suku kaum), Senoi (terdiri dari tujuh suku kaum) dan Melayu Proto (terdiri dari enam suku kaum). Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 120(2) memberi takrifan Orang Asli sebagai “„Orang asli“ ertiinya orang asli Semenanjung Tanah Melayu” (JAKOA, 2016). Mereka mempunyai budaya dan adat resam yang tersendiri yang berlainan masyarakat bumiputera yang lain. Dalam kajian ini, murid Orang





Asli daripada suku kaum Temiar telah dipilih. Suku kaum ini kebanyakannya menetap di kawasan banjaran Titiwangsa bertaburan di kawasan pedalaman negeri Perak, Pahang, dan Kelantan. Kanak-kanak Orang Asli ini merupakan murid yang berdaftar di Sekolah Murid Orang Asli (SMOA) di bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **1.10 Batasan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini tertakluk kepada beberapa batasan kajian. Batasan kajian adalah seperti yang berikut:

- i. Kajian ini dijalankan adalah untuk membina kerangka aktiviti imaginasi dalam pembelajaran literasi awal untuk meningkatkan penguasaan literasi murid Orang Asli di Malaysia. Kajian hanya berfokus kepada pemilihan aktiviti pembelajaran sahaja.
- ii. Kerjasama dan sumbangan dari segi idea dan maklumat daripada guru dan kumpulan pakar sangat diperlukan untuk menjalankan kajian ini. Kesahan dapatan kajian pula bergantung kepada tahap komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh para peserta semasa pungutan data dilakukan. Pungutan data pula dilakukan analisis kajian-kajian lalu, temu bual berstruktur dan teknik *Fuzzy Delphi* dalam proses untuk membina kerangka aktiviti.
- iii. Pakar-pakar yang berpengalaman dalam pendidikan Orang Asli yang dilantik akan menilai aktiviti-aktiviti yang sesuai dengan pembelajaran literasi awal murid Orang Asli menggunakan teknik *Fuzzy Delphi*.
- iv. Kajian ini juga tidak melibatkan isu dan hal lain yang mempunyai kaitan dengan perkembangan kanak-kanak Orang Asli.



- v. Kajian ini hanya dijalankan di daerah Kuala Kangsar, Perak dengan hanya melibatkan guru-guru Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Prasekolah dan Pemulihan dilapan buah sekolah murid Orang Asli sahaja.

### **1.11 Kepentingan Kajian**

Rasional kajian ini dijalankan adalah bersesuaian dengan objektif sistem pendidikan Malaysia di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menekankan kesaksamaan dalam keberhasilan murid. Hal ini selaras dengan kehendak antarabangsa melalui Konvensyen Kanak-kanak 1989 (CROC, 1990): Perkara 30; UN-DRIP, 2007: Perkara 14 dan Perkara 15; Deklarasi Hak Awali Manusia Sejagat yang menyatakan bahawa kanak-kanak Orang Asli wajib disediakan pendidikan awal dalam bahasa mereka sendiri, dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan budaya mereka serta tradisi dan aspirasi komuniti mereka. Walau bagaimanapun, pendidikan kanak-kanak Orang Asli berdepan dengan pelbagai cabaran yang besar seperti kadar buta huruf yang tinggi (Saedah Siraj & Vanitha Thanabalan, 2010; Omar Othman, 2010; Phuah Bee Yoong, 2002; Juli Edo, 2005). Oleh itu, wujud satu keperluan untuk merancang aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap kognitif kanak-kanak Orang Asli.

Pertama, kepentingan literasi awal perlu dikuasai oleh kanak-kanak supaya mereka menguasai kemahiran membaca dan menulis dengan lancar. Kajian mendapati kanak-kanak yang dapat menguasai literasi awal dengan menunjukkan tahap penguasaan membaca dan menulis yang baik akan menamatkan pengajian mereka ke tahap yang lebih tinggi apabila dewasa (Kutner, Greenberg, Jin, Boyle, Hsu &

Dunleavy, 2007). Masalah kegagalan murid Orang Asli menguasai kemahiran membaca dan menulis adalah disebabkan kegagalan mereka menguasai kemahiran literasi awal.

Kedua, keperluan guru-guru untuk meningkatkan pengetahuan tentang pedagogi literasi awal dalam kalangan murid-murid yang diajar oleh mereka. Hal ini kerana individu yang paling penting untuk mengajar kemahiran literasi awal ialah guru. Guru perlu memahami perkembangan literasi awal dan cara penyampaian yang sesuai kepada kanak-kanak (Lyon G. R., Fletcher, J. M., Torgesen, J.K., Shaywitz, S. E., & Chhabra, V., 2004). Hal ini bertepatan dengan Laporan akhir program *Early Reading First* (ERF), Amerika Syarikat yang telah mengenal pasti faktor yang utama adalah memperbaiki aktiviti kelas, bahan dan latihan literasi guru (Manzo, 2005).

Guru yang kreatif dalam pengajarannya dapat memupuk dan menyuburkan tahap kreativiti kanak-kanak di samping persekitaran dan program-program yang kreatif .

Oleh itu, aktiviti pengajaran yang sesuai dengan tahap kognitif kanak-kanak Orang Asli perlu disediakan oleh guru supaya murid tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

Ketiga, dalam usaha pelbagai pihak untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran murid dalam pelbagai bidang, mereka juga perlu diajar tentang kemahiran berfikir dan mengaplikasikanya untuk menyelesaikan masalah dalam kehidupan seharian mereka. Aktiviti pengajaran yang menggunakan pendekatan imaginatif dan kreatif dapat menarik minat kanak-kanak utnuk belajar. Menurut Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Sahandri Ghani Hamzah dan Mokhtar Nawawi (2011), melalui amalan pembelajaran yang menyeronokan terhadap murid sama ada semasa sesi pengajaran secara formal atau ketika berinteraksi dengan murid secara tidak formal dapat mewujudkan keceriaan daripada aspek emosi.

Oleh yang demikian, pembinaan aktiviti pengajaran yang memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat mengikut budaya setempat adalah perlu. Berdasarkan faktor-faktor tersebut, usaha untuk mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran perlulah dipergiatkan lagi. Walau bagaimanapun, pembinaan aktiviti pengajaran perlulah mengambil kira tahap kemahiran murid, cita rasa dan persekitaran murid supaya dapat memudahkan lagi proses pengajaran guru dan pembelajaran murid. Hal ini supaya, murid tidak berasa didiskriminasikan kerana mereka dapat mengikuti sesi pengajaran mengikut kemampuan mereka sendiri.

Adalah tidak dapat dinafikan terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan kaedah pengajaran guru telah dijalankan oleh para penyelidik sama ada di dalam negara mahupun diperingkat antarabangsa. Namun, kajian-kajian yang dijalankan sudah pasti kurang bersesuaian dengan masyarakat Orang Asli yang berlainan dari segi corak pemikiran, budaya dan adat resam , agama dan persekitaran. Bahkan masyarakat Orang Asli juga terdiri daripada beberapa suku yang berlainan dan jarang berhubungan dengan orang luar menjadikan mereka tidak dapat mengadaptasi perubahan di dalam dunia pendidikan pada masa kini. Hal ini menjadi salah satu faktor utama agar kajian yang berlatarkan persekitaran setempat perlu dipergiatkan supaya tidak berlakunya percanggahan kefahaman antara pembuat polisi pendidikan iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia dan pelaksana polisi pendidikan iaitu guru.

Oleh yang demikian, Kerangka Aktiviti Imaginasi dalam Pembelajaran Literasi Awal Murid Orang Asli ini sudah pastinya dapat dijadikan panduan oleh pelbagai pihak yang ingin membantu meningkatkan penguasaan literasi awal untuk kanak-kanak Orang Asli. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi institusi-intitusi yang berkaitan seperti Bahagian Pembangunan Kurikulum, Jabatan

Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah yang terdapat Sekolah Kebangsaan Orang Asli (SMOA) bolehlah merangka satu kaedah pengajaran yang dapat memberikan manfaat kepada peningkatan penguasaan literasi murid Orang Asli.

Selain itu, secara umumnya kajian ini sudah pastinya memberikan impak yang positif kepada sistem pendidikan negara kita kerana kajian ini tertumpu kepada kaedah pengajaran yang menumpukan kepada peranan dan hubungan diantara teori dan amalan pengajaran guru di dalam kelas yang berkaitan dengan imaginasi. Kajian ini juga dapat memberikan maklumat awal kepada guru mahupun penyelidik yang ingin melihat dan menilai keberkesanan kaedah dan amalan sedia ada seperti yang diamalkan oleh guru-guru untuk mengajar literasi kepada murid-murid. Melalui kajian ini juga kefahaman guru-guru tentang kepentingan pengajaran literasi awal dan hubungan diantara kaedah pengajaran dengan tahap penguasaan literasi murid dapat dipupuk. Kajian ini juga dapat mempelbagaikan lagi amalan pengajaran sedia ada dan menambahkan lagi kreativiti guru dalam menyediakan aktiviti-aktiviti pengajaran yang dapat menarik minat murid.

Akhir sekali, adalah menjadi harapan yang besar kepada penyelidik agar kajian ini dapat menyumbang kepada peningkatan penguasaan literasi awal murid Orang Asli. Sekali gus dapat membantu meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dan menulis mereka. Disamping itu, kajian ini juga boleh dijadikan panduan dan rujukan kepada guru-guru untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran dengan menggunakan kaedah dan pendekatan yang sesuai dengan tahap penguasaan murid. Guru-guru juga boleh menerapkan elemen imaginasi di dalam setiap aktiviti pengajaran supaya sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menyeronokan



dan dapat memberikan kesan yang positif terhadap pendidikan Orang Asli di Malaysia.

### 1.12 Rumusan

Bab satu ini telah membincangkan tentang pengenalan, latar belakang, pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka teoritikal dan konseptual kajian serta definisi istilah yang diguna pakai di dalam kajian ini. Diharapkan agar huraian yang diberikan dapat memberikan penjelasan tentang perkara dasar yang berkaitan dengan kajian ini. Seterusnya bab dua akan membincangkan sorotan kajian lampau tentang teori-teori dan model-model yang digunakan sebagai rujukan dalam kajian ini.

